

**TEKS UCAPAN**

**Oleh**

**Y. Bhg. Kol. Prof. Datuk Dr. Kamaruzaman Hj. Ampon**

**Naib Canselor**

**Universiti Malaysia Sabah**

**Sempena Majlis Perasmian Penutupan**

**Kursus Pengenalan Kepada Sistem Kualiti dan Standard**

**MS ISO 9001:2008**

**Pada**

**17 Jun 2009 (Rabu)**

**4.00 petang**

**Dewan Bankuasi, UMS**

Bismilahir-Rahmanir-Rahim

Yang Berusaha Timbalan-Timbalan Naib Canselor,

Yang Berusaha Pendaftar,

Yang Berusaha Bendahari,

Yang Berusaha Ketua Perpustakaan,

Yang Dialu-alukan Pengurus Besar SIRIM Sabah Tuan Haji  
Khairan Bin Untoh,

Dekan-Dekan, Ketua-Ketua Jabatan, para peserta kursus, tuan-  
tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikaum Warahmatullahi Wabarokatuh dan salam  
sejahtera..

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin-  
Nya, dapat kita bersama-sama berkumpul pada petang ini dalam  
suasana yang meriah di Majlis Perasmian Penutupan Kursus  
Pengenalan Kepada Sistem Kualiti dan Standard MS ISO  
9001:2008 anjuran bersama Jabatan Bendahari, Jabatan  
Pembangunan & Penyelenggaraan (JPP), Unit Multimedia Dan

Teknologi Pendidikan (UMTP) serta Pusat Perkembangan Akademik (PPA).

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada pihak penganjur diatas kesungguhan dan inisiatif dalam menganjurkan program yang bermanfaat ini untuk dikongsi bersama para peserta. Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada para kakitangan UMS yang menjadi peserta kursus ini selama 2 hari berturut-turut. Syabas dan tahniah di atas komitmen tinggi tuan-tuan dan puan-puan yang sentiasa menyokong segala program yang dianjurkan UMS.

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

MS ISO 9001:2008 adalah satu piawaian yang berdokumen dan bertulis yang menyenaraikan elemen asas yang perlu ada dalam sistem kualiti sesebuah organisasi bagi memastikan perkhidmatan yang diberikan dapat memenuhi kehendak pelanggan. Pada amnya, pelaksanaan MS ISO 9001:2008 adalah bagi memenuhi kehendak pelanggan yang mahukan organisasi melaksanakan MS ISO 9001:2008 sebelum pelanggan bersedia untuk mendapatkan

produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh sesebuah organisasi disamping dijadikan sebagai "blueprint" untuk penambahbaikan dan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan organisasi tersebut.

Memandangkan usaha-usaha ke arah memperolehi sijil MS ISO bukanlah suatu perkara yang mudah, maka kakitangan UMS di semua peringkat perlu mempersiapkan diri dan memberikan komitmen yang tidak berbelah bagi terhadap usaha menjadikan UMS sebuah organisasi yang bertaraf dunia.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Sehingga kini, pelbagai inisiatif telah dilakukan oleh pihak UMS untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan pelanggan di semua jabatan. Hal ini disebabkan, sistem penyampaian perkhidmatan cekap dan berkesan amat dituntut oleh semua pelanggan perkhidmatan awam terutamanya "stakeholder" kita iaitu para siswa/siswi yang akan menjadi penggerak terpenting dalam usaha membangunkan Negara pada masa akan datang.

Bagi menghadapi cabaran ini, semua kakitangan UMS perlu sentiasa menganalisis pencapaian dan melakukan penanda arasan (benchmarking) terhadap pencapaian sekarang, dengan organisasi lain yang telah berjaya. Usaha UMS untuk mendapat pensijilan ISO 9001:2008 secara menyeluruh di semua jabatan, merupakan satu strategi yang akan membuktikan bahawa UMS sentiasa berpandangan jauh dan bersedia untuk bersaing di peringkat global, dan sekaligus membuktikan bahawa kualiti adalah penting dalam apa juga aspek, termasuk pengurusan pengajian tinggi.

Keazaman ini diharapkan dapat memberi lonjakan kepada kita selaku entiti yang rapat dengan pelajar, untuk terus mempamerkan budaya kerja yang terulung dan disegani. Inilah harapan saya dan UMS. Pencapaian taraf MS ISO 9001:2008 tidaklah menjadi satu kemestian bagi sesuatu organisasi untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan, malahan MS ISO hanya merupakan satu garis panduan untuk diikuti agar kerja yang dilakukan menjadi lebih sistematik. Tetapi inilah yang menjadi amanah kepada kita, untuk memastikan kualiti kerja

yang dipertanggungjawabkan, dilaksanakan dengan cara yang paling berkesan.

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

Saya yakin bahawa kursus ini banyak memberikan manfaat kepada para peserta dalam memberikan pendedahan dan peningkatan ilmu berkaitan dengan MS ISO 9001:2008. Dan kepada semua peserta saya berharap semoga kesempatan dan peluang menyertai kursus ini akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya dalam memastikan tugas kita dapat dilakukan lebih sistematik.

Sebelum mengakhiri ucapan, sekali lagi saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak penganjur yang telah mengambil inisiatif dan langkah bijak dalam menganjurkan kursus yang bermanfaat ini untuk dikongsi bersama semua peserta. Harapan saya agar usaha yang dilakukan ini benar-benar akan mencetuskan budaya kerja yang lebih berkualiti di masa akan datang.

Dengan lafaz bismillahirrahmannirahim, saya dengan sukacitanya menutup Kursus Pengenalan Kepada Sistem Kualiti Dan Standard MS ISO 9001:2008 dengan rasminya.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah, wassalamualaikum warahmattullahi wabarakatuh